

10 JUN 2021

YBHG. DR. ROMARZILA BINTI OMAR
Pensyarah Kanan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
PERAK

YBhg. Dr.

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI LEMBAGA PENASIHAT (WAKIL UNIVERSITI) POSTGRADUATE DIPLOMA IN TEACHING (PGDT) OPEN UNIVERSITY MALAYSIA (OUM)

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak OUM, bersetuju melantik YBhg. Dr. sebagai Ahli Lembaga Penasihat (Wakil Universiti) bagi program Postgraduate Diploma in Teaching (PGDT) bagi **tempoh dari 10 Jun 2021 – 10 Jun 2024.**

Terma bagi Ahli Lembaga Penasihat adalah seperti berikut:

1. Memberikan cadangan, pandangan dan kesesuaian reka bentuk program untuk penambahbaikan.
2. Menggalakkan perbincangan berterusan mengenai cara pengajaran dan pembelajaran yang berkesan serta mekanisme meningkatkan pengajaran dan pembelajaran.
3. Memberi nasihat terhadap sebarang isu yang mempunyai kesan langsung terhadap program.

Sekiranya YBhg. Dr. memerlukan penjelasan lanjut mengenai terma dan tawaran ini, boleh menghubungi saya di aliza.ali@oum.edu.my atau YBhg. Dr. Rosinah Mahmood, rosinah_mahmood@oum.edu.my (010-2440434), Ketua Program.

Selain itu, YBhg. Dr. dijemput melayari laman web kami di www.oum.edu.my untuk maklumat lanjut.

Kami sangat menghargai kesudian YBhg. Dr. menerima lantikan ini. Untuk rekod, mohon tandatangan surat salinan bagi pengesahan penerimaan dan mengembalikan salinan yang ditandatangani kepada kami secepat mungkin.

YBhg. Dr. akan dijemput menghadiri mesyuarat selepas menerima surat penerimaan lantikan untuk membincangkan perihal program secara terperinci. YBhg. Dr. berhak menerima honorarium sebanyak RM250 bagi setiap mesyuarat.

YBhg. Dr. boleh hubungi kami pada bila-bila masa jika memerlukan maklumat lanjut. Terima kasih.

Yang benar,



(Dr. Aliza Ali)

Ketua Kluster,
Cluster of Education and Social Sciences (CESS)
Open University Malaysia (OUM)